

KKT&P:100-4/16 Jld.2(148)

28 November 2007

Mayor
Majlis Perbandaran Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Eksekutif,

Majlis Daerah Beaufort, Kuala Penyu, Papar, Tenom, Penampang, Tuaran, Tambunan, Sipitang, Semporna, Keningau, Beluran, Kinabatangan, Kota Belud, Kota Marudu, Kunak, Lahad Datu, Nabawan dan Ranau

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.5/2007 - TARIKH BERAKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN TAHUN 2007

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran Projek-projek Persekutuan di peringkat Kementerian.

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu Bil.2 Tahun 2007 bertarikh 15 November 2007 (Penutupan Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2007) Sistem Perakaunan di Peringkat Cawangan Jabatan Akauntan Negara akan di tutup sebelum 31 Januari 2008.

Oleh yang demikian, untuk memenuhi kehendak ini Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu telah menetapkan semua baucer bayaran hendaklah sampai ke Pejabatnya seperti berikut:

Bulan	Jenis Dokumen	Tarikh Terakhir Penerimaan
Disember 2007	Baucer Bayaran	14 Disember 2007
Januari 2008 (Akaun Kena Bayar)	Waran Peruntukan	08 Januari 2008
	Baucer Bayaran	07 Januari 2008
	Teguran	11 Januari 2008

KKT&P:100-4/16 Jld.2(148)
28 November 2007

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.5/2007 - TARIKH BERAKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN TAHUN 2007

3. Keadah Pelaksanaan

3.1 Sehubungan dengan itu, untuk mencapai tarikh akhir yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu dan memastikan masa mencukupi untuk memproses semua tuntutan di Peringkat Kementerian, maka Kementerian ini telah menetapkan bahawa semua PBT hendaklah mematuhi jadual berikut:

Jenis Dokumen	Tarikh terakhir Penerimaan di Jabatan Akauntan Negara	Tarikh Terakhir Penerimaan di Peringkat Kementerian
Baucer Bayaran untuk semua Projek-Projek Persekutuan yang telah siap dilaksanakan sepenuhnya sebelum atau pada bulan November 2007.	14 Disember 2007	5 Disember 2007
Baucer Bayaran untuk semua projek-projek Persekutuan yang siap dilaksanakan sepenuhnya pada dan selepas November 2007.	7 Januari 2008	23 Disember 2007

3.2 Tuntutan bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

4. PENUTUP

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi Surat Pekeliling ini amatlah dihargai bagi memastikan semua tuntutan dapat dibayar pada tahun ini.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang Surat Pekeliling ini, sila berhubung **Akauntan Kanan Cik Phak Shiu Len** melalui No. **Telepon: 088-256744**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH

[DATUK UJANG SULANI]

Setiausaha Tetap

Edaran Dalaman

Pegawai Perancang Kanan

- *Sila pastikan keputusan Sebutharga/Tender dibekalkan kepada Bahagian Akaun dan sila susuli dengan JLN/KPKT/JPPS berkenaan Waran Peruntukan yang masih belum diterima.*